



Revolusi Muzik DiGi

Pengguna DiGi kini boleh menikmati dan berkongsi muat turun tanpa had daripada laman web DiGi Music Unlimited.

MELALUI DiGi Music Unlimited, perkhidmatan muzik mudah alih dan muzik web terbaru, DiGi merevolusikan industri muzik. Pada masa yang sama mendefinisi semula erti tanpa had dan kemampuan untuk peminat menikmati lagu-lagu terkini.

Sukar untuk dipercayai? Ia adalah benar. Pengguna DiGi kini boleh menikmati dan berkongsi muat turun tanpa had daripada laman web DiGi Music Unlimited yang menawarkan sebuah perpustakaan muzik dengan pilihan lagu-lagu daripada dua pengedar muzik yang terbesar di dunia iaitu Universal Music dan Sony Music dengan bayaran RM5 sebulan.

Melalui perkhidmatan ini, pengguna DiGi boleh menikmati muzik berkualiti di dalam format fail Windows Media Audio (WMA) sehingga 256kbps. Lebih menarik, mereka tidak perlu membayar sebarang yuran data apabila melayari laman web DiGi Music Unlimited melalui telefon bimbit mereka dan muat turun lagu.

Lagu

Selain muat turun lagu tanpa had, pelanggan DiGi Music Unlimited juga boleh memuat turun dan menyimpan lima lagu pilihan yang bebas daripada perlindungan hak digital (DRM) setiap bulan. Lagu-lagu ini boleh dipindahkan ke peranti lain atau dikongsi bersama rakan mereka menerusi rangkaian Bluetooth.

Untuk menjadi ahli DiGi Music Unlimited, anda hanya perlu mendaftar melalui laman web www.DiGiMusic.com.my



DiGi Music Unlimited memberikan tawaran hebat kepada ahli-ahlinya melalui pilihan muzik, kemudahan penggunaan melalui telefon bimbit dan komputer pada harga yang terbaik.

www.DiGiMusic.com.my ataupun SMS *ON MUSIC* ke 2000.

Jika pendaftaran dilakukan sebelum 30 November 2009, anda boleh menggunakan perkhidmatan ini secara percuma untuk 30 hari yang pertama. Anda juga memuat turun seberapa banyak lagu kesukaan anda.

Sebagai ahli DiGi Music Unlimited, anda boleh memperibadikan muzik pilihan dan berkongsi senarai lagu bersama rakan-rakan melalui SMS, e-mel serta halaman web rangkaian sosial seperti Facebook, MySpace dan Friendster.

Anda juga akan menerima jemputan eksklusif untuk bertemu dan menonton persembahan hebat artis kegemaran anda dari luar dan dalam negara, melalui konsert DiGi yang akan diadakan dengan kerjasama Universal Music dan Sony Music.

Tawaran istimewa

Menurut Ketua Segmen Remaja, Nikki Lee, DiGi Music Unlimited akan membentuk masa depan pemilikan muzik di Malaysia, dengan membenarkan pelanggan DiGi memilih muzik pilihan mereka, berkongsi dan menikmati muzik menerusi telefon bimbit dan kom-

puter pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

“DiGi Music Unlimited memberikan tawaran hebat kepada ahli-ahlinya melalui pilihan muzik, kemudahan penggunaan melalui telefon bimbit dan komputer, serta harga yang terbaik iaitu RM5 sebulan.”

Tambah Nikki, DiGi Music Unlimited juga telah mengukuhkan lagi segmen remaja DiGi yang telah dibina beberapa tahun lalu dengan memberi perhatian penuh pada muzik, sesuatu yang amat sinonim dengan gaya hidup remaja masa kini.

Pada September ini, sebanyak 50 ahli DiGi Music Unlimited berpeluang bertemu dengan pemenang anugerah kumpulan antarabangsa pop sensasi, Black Eyed Peas pada satu sesi perjumpaan khas.

DiGi juga akan menerbangkan kumpulan rock sensasi, All American Rejects ke Kuala Lumpur pada Oktober ini untuk persembahan secara langsung, khas buat ahli DiGi Music Unlimited.

Maklumat lanjut mengenai DiGi Music Unlimited, sila layari www.DiGiMusic.com.my



KOSMO
25/08/2009
Page: 29
Kosmo 2
Region: Malaysia
Circulation: 108798
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 385.14 sq.cms
Frequency: MTWTFS



Lapan kelebihan DiGi Music Unlimited

- **Katalog muzik yang luas daripada Universal Music dan Sony Music.**
Ahli boleh membuat pilihan daripada 500,000 lagu termasuk lagu penuh, nada dering dan nada dering pemanggil.
- **Berkongsi lagu dan senarai lagu**
Ahli boleh berkongsi muzik tanpa had dengan rakan melalui SMS dan e-mel tanpa mengira sama ada mereka adalah pelanggan DiGi atau tidak.
- Lagu boleh dimuat turun ke telefon bimbit dan komputer.
- Tiada caj data untuk melayari laman web atau muat turun.
- **Memperibadikan senarai lagu pilihan.**
Ahli boleh memperibadikan senarai lagu pilihan mereka; memberi maklumat terkini kepada ahli lain dengan menggunakan user feed, mencari kawan baru yang mempunyai cita rasa muzik yang sama dan mendapat jemputan eksklusif untuk menonton gigs dan konsert yang memaparkan persembahan hebat daripada artis-artis tempatan dan antarabangsa.
- **Tanpa risau**
Anda tidak perlu risau tentang apa-apa virus yang akan merosakkan fail lagu. Anda boleh menikmati fail muzik sehingga 256kbps pada komputer dan 128kbps pada telefon mudah alih.
- **Lima lagu DRM percuma setiap bulan**
Anda boleh muat turun lima lagu bebas daripada perlindungan hak digital (DRM) dan pindahkan lagu-lagu tersebut ke peranti lain, berkongsi lagu melalui Bluetooth.
- Hanya RM5 sebulan dan Selamat Datang ke revolusi muzik digital baru.